

Putuskan hubungan dengan perdana menteri, tindakan tidak matang
The Malaysian Insider
Sept 21, 2015

Tindakan Ketua Pemuda MCA Pasir Gudang Cia Chow Hui memutuskan hubungan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dilihat sebagai keputusan yang tidak matang, melulu serta mengecewakan parti komponen Barisan Nasional (BN).

Ketua Pemuda Umno Bahagian Pasir Gudang Azman Ja'afar berkata kenyataan Cia yang menyatakan pendirian tidak akan menyokong sebarang program atau acara yang dihadiri perdana menteri dilihat sebagai tidak wajar lebih-lebih lagi negara baru sahaja menyambut Hari Kebangsaan pada 31 Ogos dan Hari Malaysia pada 16 September.

"Keputusan yang dibuat itu tidak menggambarkan semangat setiakawan sebenar parti-parti komponen dalam BN," kata beliau dalam kenyataan di Johor Baru, hari ini.

Menurut beliau seharusnya Cia melihat perkara yang lebih besar selain daripada isu perkauman.

"Ini selari dengan titah Sultan Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar berkenaan perkara ini yang tidak mahu isu dan sentimen perkauman dibangkitkan," katanya.

Azman berkata Pemuda MCA juga harus sedar dan jangan mudah terperangkap dengan taktik dan strategi pembangkang untuk melemahkan lagi persefahaman parti pelbagai bangsa dalam BN.

"Sekarang adalah masa untuk bersatu padu dan bukan memainkan isu perkauman yang sememangnya merupakan senjata yang sengaja digunakan oleh pembangkang bagi memecahbelahkan kesatuan, keharmonian dan keutuhan parti-parti komponen dalam perikatan BN," kata beliau.

Azman mengulas kenyataan Cia semalam yang menyatakan pendirian memutuskan hubungan dengan perdana menteri berikutan kenyataan Najib yang menyokong Himpunan Rakyat Bersatu.

"Kami berpandangan Himpunan Rakyat Bersatu adalah berkenaan soal kemenangan BN dalam pilihan raya umum yang akan datang," kata beliau.

Azman berkata hak ada pada mana-mana pihak untuk mengadakan perhimpunan selari dengan peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia selagi ia mengikut peraturan dan undang-undang. – Bernama, 21 September, 2015.

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/putuskan-hubungan-dengan-perdana-menteri-tindakan-tidak-matang>